

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP  
(SEKIJANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.03.2015**

**Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [ SEKIJANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan rasionalisasi perbelanjaan adalah efektif dalam memastikan pembangunan negara sejajar dengan ekonomi global, adakah rasionalisasi perbelanjaan yang diumumkan menyeluruh kepada agensi-agensi Kerajaan kerana ia dapat memastikan pembangunan negara lebih efisien.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah

mengumumkan penstrukturan Bajet 2015 pada 20 Januari 2015 dengan merasionalisasikan perbelanjaan yang hanya melibatkan pengurangan Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM5.5 bilion iaitu bersamaan 3.1% daripada jumlah asal Perbelanjaan Mengurus yang diluluskan. Rasionalisasi perbelanjaan ini tidak melibatkan Perbelanjaan Pembangunan bagi memastikan agenda pembangunan negara tidak terjejas.

2. Pengurangan Perbelanjaan Mengurus ini adalah menyeluruh dan melibatkan semua kementerian dan agensi Kerajaan serta Badan Berkanun Persekutuan. Pengurangan perbelanjaan mengurus dibuat dengan mengambil kira keperluan serta tidak menjejaskan operasi dan fungsi utama kementerian dan agensi Kerajaan terlibat, terutamanya kepada kumpulan sasar. Antara program yang dikenal pasti untuk dikurangkan peruntukan adalah termasuk lawatan dalam/luar negara, pembelian aset, latihan (dari segi keutamaan), pertukaran pegawai antara seksyen dan pengisian jawatan kosong.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 24 MAC 2015  
[ SELASA ]  
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL  
SAMAD  
[ PASIR GUDANG ]

**SOALAN :-**

**Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan dan langkah yang diambil terhadap rumah pangsa kos rendah/sederhana yang mengalami kerosakan daripada segi penyelenggaraan akibat daripada kutipan bayaran pengurusan (*management fee*) yang kurang memuaskan oleh penduduk kepada Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body*) atau Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation*).

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang melaksanakan dua program baik pulih dan penyenggaraan rumah kos rendah awam dan swasta serta rumah kos sederhana rendah swasta melalui pelaksanaan Tabung Penyenggaraan 1Malaysia (TP1M) dan Program Penyenggaraan Perumahan (PPP).

(a) **Program TP1M:**

Ditubuhkan untuk membaik pulih dan menyelenggara perumahan bertingkat kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta di Bandar utama seluruh Malaysia. Konsep pembiayaan :

- i) Kos Rendah Swasta 90:10 - iaitu 90% ditanggung oleh TP1M manakala 10% ditanggung oleh MC/JMB/Per.Penduduk.

ii) Kos Sederhana Rendah Swasta 70:30 - iaitu 70% ditanggung oleh TP1M manakala 30% ditanggung oleh pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC) dan Per.Penduduk.

**(b) Program Penyenggaraan Perumahan (PPP):**

Bertujuan membiayai kerja-kerja baik pulih dan penyenggaraan perumahan kos rendah awam berstrata / berbilang tingkat. Program ini didasarkan kepada geran sepadan 90:10, di mana (90%) daripada kos akan disumbang oleh pihak kerajaan dan 10% daripada kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri / Agensi Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta untuk pelaksanaan projek ini sepanjang tempoh RMK-10 (2011-2015).